

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
KAWASAN : HULU LANGAT
TARIKH : 17 JUN 2015, RABU

SOALAN:

YB. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina rangkaian laluan khas motosikal yang lebih selamat, selesa dan berkesan terutama di jalan Persekutuan yang mengalami banyak kemalangan dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya memandang serius dan komited untuk mengurangkan jumlah kes kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini, khususnya melibatkan penunggang motosikal. Ini dilaksanakan menerusi pelbagai strategi dan program keselamatan iaitu daripada aspek pendidikan, penguatkuasaan, kejuruteraan dan penilaian.

Cadangan pembinaan lorong khas motosikal sama ada secara 'exclusive' atau 'non exclusive' merupakan antara salah satu daripada inisiatif Kerajaan untuk mengurangkan kes kemalangan motosikal. Untuk itu kementerian ini telah mengenal pasti laluan-laluan utama di Jalan Persekutuan bagi tujuan pembinaan lorong khas motosikal. Antara kriteria yang ditetapkan ialah bilangan kapasiti trafik yang tinggi iaitu melebihi 10,000 kenderaan sehari, dan kadar penggunaan motosikal melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan kenderaan. Setakat ini Kerajaan telah membina laluan khas motosikal dengan jarak keseluruhan sepanjang 156.2 km di jalan persekutuan seluruh negara.

Dalam RMKe-11 nanti kementerian ini telah mencadangkan pembinaan tambahan lorong khas motosikal yang baru sepanjang 143 km di Jalan-Jalan Persekutuan dengan anggaran kos projek sebanyak RM350 juta. Namun demikian pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan RMKe-11 daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.